

17 JUN 2000

MCA-Ling/I

JAWATAN KABINET JADI PERSOALAN DALAM MCA, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, June 17 (Bernama) -- Masalah yang timbul dalam MCA mungkin berkaitan dengan jumlah jawatan Kabinet yang dipegang parti itu, kata presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik.

Dr Ling yang telah menarik balik keputusannya untuk meletakkan jawatan Kabinet berkata, "Saya telah memikirkannya berulang kali dan pada pendapat saya masalah itu timbul mungkin kerana kita mempunyai empat naib presiden tetapi hanya tiga yang memegang jawatan Kabinet."

Dalam pemilihan MCA yang lepas, Datuk Dr Fong Chan Onn memperolehi undi yang tertinggi untuk jawatan naib presiden, diikuti Datuk Chua Jui Meng, Datuk Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy.

"Memandangkan saya telah memegang jawatan Kabinet lebih dari 14 tahun, saya rasa yang yang paling sesuai untuk berundur bagi membolehkan Datuk Chan Kong Choy mengambil alih," katanya dalam ucapan presiden dalam bahasa Mandarin pada perhimpunan agung MCA ke-47 di sini hari ini.

Dr Ling berkata Chan, yang juga Timbalan Menteri Kewangan adalah orang yang paling sesuai untuk mengambil alih jawatan Kabinetnya.

Menurut beliau baru-baru ini terdapat bermacam-macam khabar angin yang disebarkan mengenai hasratnya untuk meletakkan jawatan Menteri Pengangkutan.

"Ada pihak kata saya dipaksa oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) untuk meletakkan jawatan, ada pihak pula kata, kerana masalah peribadi dan mempunyai hubung kait dengan Datuk Soh Chee Wen," katanya.

"Saya percaya semua khabar angin tersebut dan peristiwa-peristiwa yang berlaku kemudian telah dirancang oleh pihak tertentu untuk mencemarkan imej dan nama baik saya," katanya.

Katanya, beliau tetap berani untuk menghadapi semua khabar angin yang tidak benar itu dan akan mengambil tindakan yang tegas untuk memulihkan nama baik beliau serta mempertahankan kestabilan parti.

"Saya tidak akan lari dari tanggungjawab yang dipikul. Saya akan terus memimpin MCA untuk menghadapi sebarang cabaran," katanya.

Kata-kata beliau itu disambut dengan tepukan gemuruh oleh para perwakilan. Ada juga yang dilihat mengambil kesempatan mengejek (boo) beliau.

Seramai 1,851 atau 77.5 peratus perwakilan MCA dari seluruh negara menghadiri Perhimpunan Agung MCA kali ini yang dirasmikan oleh Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NHA RAM LPY RI